

## BAB 9 MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA

### BAHAGIAN A : Isi Tempat Kosong

#### Perang Dunia Pertama

##### (a) Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Berlakunya Perang Dunia Pertama

1. Faktor politik yang menyebabkan berlakunya Perang Dunia Pertama termasuklah kemunculan **nasionalisme** dan **sistem pakatan** negara-negara Eropah.
2. Faktor ekonomi pula melibatkan persaingan **kuasa-kuasa besar** merebut peluang **ekonomi**.
3. Pada penghujung abad ke-19, negara-negara kecil di Eropah telah bersatu dan membentuk sebuah **negara bangsa** yang lebih besar, contohnya, **Jerman** dan **Itali**.
4. Jerman dan Itali menyertai kuasa besar Eropah yang lain seperti Britain, Perancis, **Austria-Hungary** dan **Rusia** dalam usaha mendapatkan **tanah jajahan**.
5. **Nasionalisme** yang kuat menyebabkan kuasa-kuasa besar sanggup berperang bagi membuktikan **kekuasaan** masing-masing.
6. Menjelang abad ke-19 dan awal abad ke-20, persiangan sengit berlaku dalam kalangan kuasa Eropah akibat **Imperialisme Baru**.
7. Kuasa besar mula bersaing bagi membentuk lingkungan pengaruh masing-masing untuk mendapatkan **bahan mentah** dan untuk **memasarkan** barang siap mereka.
8. Menjelang abad ke-20, negara Eropah mempunyai dua pakatan, iaitu **Perikatan Kuasa Tengah** dan **Pakatan Bertiga**.
9. Faktor segera yang mencetuskan Perang Dunia Pertama ialah pembunuhan **Archduke Franz Ferdinand**, iaitu pewaris takhta **Austria-Hungary** dan isterinya oleh seorang pengandas **Serbia**.

##### (b) Peristiwa Perang Dunia Pertama

1. Austria dengan sokongan **Jerman** telah mengisyiharkan perang terhadap **Serbia**. Serbia pula disokong oleh sekutunya Rusia dan **Perancis**.
2. Serangan Jerman terhadap **Perancis** melalui negara berkecuali, iaitu **Belgium** telah menimbulkan kemarahan Britain.
3. Britain yang sememangnya bermusuhan dengan **Jerman** turut campur tangan dalam peperangan ini dan kemudiannya meminta bantuan **Amerika Syarikat**.
4. Amerika Syarikat turut terlibat dalam peperangan berikutan Jerman menyerang **kapal dagang Amerika Syarikat**.

##### (c) Kesan-Kesan Perang Dunia Pertama

###### i) Dari Segi Politik

1. Perang Dunia Pertama telah menamatkan **pemerintahan beraja** di Eropah.
2. Persidangan Damai yang diadakan pada bulan Jun 1919 membawa kepada pemeteraian **Perjanjian Versailles**. Perjanjian ini telah mengubah **peta Eropah** dan membentuk beberapa buah negara baru.

3. Perjanjian Versailles juga membawa kepada pembentukan Liga Bangsa pada tahun 1919.

**ii) Dari Segi Ekonomi**

1. Negara-negara yang berperang mengalami inflasi dan hutang peperangan yang tinggi disebabkan perbelanjaan perang yang terlalu besar.
2. Pasaran dunia juga mula diambi alih oleh Amerika Syarikat dan Jepun. Hal ini amat dirasai oleh negara-negara Eropah terutamanya Britain yang kehilangan satu per tiga daripada perdagangan luarnya.

**iii) Dari Segi Sosial**

1. Kehilangan nyawa yang begitu ramai, iaitu 8.5 juta orang.

## **BAHAGIAN B : Soalan Struktur**

### **Perang Dunia Pertama**

1. Perang Dunia Pertama telah bermula pada tahun 1914 hingga tahun 1918.

(a) Apakah faktor segera yang mencetuskan Perang Dunia Pertama ?

F1` Pembunuhan Archduke Franz Ferdinand dan isterinya

[ 1 markah ]

(b) Namakan perjanjian yang menamatkan Perang Dunia Pertama.

F1 Perjanjian Versailles

[ 1 markah ]

(c) Apakah matlamat penubuhan Liga Bangsa yang diwujudkan pada tahun 1919 ?

F1 Menggalakkan keamanan.

F2 Menggalakkan kerjasama antarabangsa.

F3 Menjamin keselamatan bersama.

[ 3 markah ]

(d) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kesan Perang Dunia Pertama dari segi ekonomi ?

F1 Negara yang berperang mengalami inflasi.

F2 Pengangguran yang berleluasa.

F3 Negara yang terlibat menanggung hutang perang yang tinggi .

F4 Pasaran dunia diambil oleh Amerika Syarikat dan Jepun.

F5 Britain kehilangan satu per tiga daripada perdagangan luarnya .

[ 3 markah ]

(e) Apakah iktibar yang anda boleh peroleh daripada peristiwa Perang Dunia Pertama ?

F1 Peperangan membawa kesengsaraan kepada manusia.

F2 Peperangan memusnahkan tamadun manusia.

F3 Peperangan perlu dielakkan.

F4 Sikap pemimpin negara yang bongkak dan tamak punca peperangan berlaku.

F5 Hukuman yang berat dikenakan kepada penjenayah perang atau yang memulakan peperangan.

(mana-mana jawapan yang munasabah)

[2 markah ]

## **BAHAGIAN C : Soalan Esei**

### **1. (a) Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya Perang Dunia Pertama.**

- |           |                                                                                                             |   |
|-----------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| <b>F1</b> | <b>Pembentukan negara bangsa yang lebih besar.</b>                                                          | 1 |
| H1        | Kesan penyatuan negara-negara kecil abad ke-19.                                                             | 1 |
| H2        | Contohnya Jerman dan Itali.                                                                                 | 1 |
| H3        | Jerman dan Itali menyertai kuasa besar Eropah seperti Britain dan Perancis untuk mendapatkan tanah jajahan. | 1 |
| <b>F2</b> | <b>Nasionalisme yang kuat.</b>                                                                              | 1 |
| H1        | Menyebabkan kuasa-kuasa besar sanggup berperang bagi membuktikan kekuasaannya.                              | 1 |
| <b>F3</b> | <b>Persaingan sengit kuasa-kuasa besar</b>                                                                  | 1 |
| H1        | Dalam kalangan kuasa-kuasa Eropah akibat Imperialisme Baru.                                                 | 1 |
| H2        | Bagi mewujudkan lingkungan pengaruh.                                                                        | 1 |
| H3        | Merebut peluang ekonomi.                                                                                    | 1 |
| H4        | Mendapat bahan mentah.                                                                                      | 1 |
| H5        | Memasarkan barang siap.                                                                                     | 1 |
| <b>F4</b> | <b>Negara Eropah mempunyai dua pakatan menjelang awal abad ke-20.</b>                                       | 1 |
| H1        | Perikatan Kuasa Tengah .                                                                                    | 1 |
| H2        | Dianggotai oleh Jerman, Austria-Hungary dan Itali.                                                          | 1 |
| H3        | Perikatan turut disertai oleh Turki dan Bulgaria.                                                           | 1 |
| H4        | Pakatan Bertiga.                                                                                            | 1 |
| H5        | Terdiri daripada Britain, Perancis dan Rusia.                                                               | 1 |
| H6        | Pakatan juga disertai oleh Itali dan Jepun.                                                                 | 1 |
| H7        | Persaingan antara kedua-dua pakatan mengancam perimbangan kuasa dunia.                                      | 1 |
| <b>F5</b> | <b>Pembunuhan Archduke Franz Ferdinand dan isterinya</b>                                                    | 1 |
| H1        | Pewaris takhta Austria-Hungary oleh seorang penganas Serbia.                                                | 1 |
| H2        | Faktor segera pencetus Perang Dunia Pertama.                                                                | 1 |

(7 markah)

### **1. (b) Terangkan kesan-kesan Perang Dunia Pertama dari segi politik, ekonomi dan sosial.**

- |           |                                                                                         |   |
|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------|---|
| <b>F1</b> | Menamatkan pemerintahan beraja di Eropah.                                               | 1 |
| F2        | Persidangan Damai Jun 1919 membawa kepada pemeteraian Perjanjian Versailles.            | 1 |
| F3        | Perjanjian membentuk Liga Bangsa.                                                       | 1 |
| F4        | Mengubah peta Eropah.                                                                   | 1 |
| F5        | Pembentukan negara-negara baru di Eropah seperti Poland.                                | 1 |
| F6        | Negara-negara yang berperang mengalami inflasi.                                         | 1 |
| F7        | Pengangguran berleluasa.                                                                | 1 |
| F8        | Menanggung hutang perang yang tinggi disebabkan perbelanjaan perang yang terlalu besar. | 1 |

- F9 Pakatan Bertiga telah membelanjakan US\$125 bilion dan Perikatan Kuasa Tengah membelanjakan US\$60 bilion. 1
- F10 Pasaran dunia diambil alih oleh Amerika Syarikat dan Jepun. 1
- F11 Negara Britain kehilangan satu per tiga daripada perdagangan luarnya. 1
- F12 Kehilangan nyawa yang begitu ramai, iaitu 8.5 juta orang. 1

(8 markah)

**1. (c) Pada pendapat anda, apakah tindakan yang boleh diambil untuk mewujudkan keamanan pada peringkat dunia antarabangsa ?**

- F1 Mengelakkan tindakan provokasi yang boleh mencetuskan konflik antara satu negara dengan negara yang lain. 1
- F2 Pertikaian yang berlaku antara sesebuah negara dengan negara yang lain perlu diselesaikan melalui rundingan. 1
- F3 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu memainkan peranan yang lebih berkesan untuk menyelesaikan konflik di peringkat antarabangsa. 1
- F4 Hentikan perlumbaan senjata terutama dalam kalangan negara-negara kuasa besar dunia. 1
- F5 Hukuman yang berat kepada penjenayah perang 1
- F6 Hukuman berat kepada mereka yang memulakan perperangan Mana-mana jawapan yang munasabah. 1

(5 markah)

**BAHAGIAN D : Soalan Objektif**

**Perang Dunia Pertama**

Jadual di bawah menerangkan Liga Bangsa

LIGA BANGSA	
Ditubuhkan pada tahun 1919	Dibubarkan pada tahun 1945

1. Apakah faktor yang membawa pembubaran Liga Bangsa ?

- A Kemelesan ekonomi dunia  
B Perluasan pengaruh komunis

**C Kegagalan menghalang perperangan**

- D Kekalahan Jerman dalam Perang Dunia Kedua

**JAWAPAN: C**

Maklumat di bawah menunjukkan pemimpin di Eropah pada tahun 1940-an.

- |                    |
|--------------------|
| ● Adolf Hitler     |
| ● Benito Mussolini |

2. Apakah persamaan yang terdapat pada kedua-dua orang pemimpin tersebut ?

**A Menceroboh negara jiran**

- B Mengembangkan ideologi sosialis  
C Memperkenalkan pemerintahan demokrasi  
D Terpaksa membayar pampasan perang

**JAWAPAN: A**

Senarai di bawah merupakan pakatan ketenteraan.

NATO
Pakatan Warsaw
SEATO

3. Pembentukan pakatan-pakatan di atas adalah kesan daripada .....

A Perang Dunia Pertama

**B Perang Dingin**

- C Perang Dunia Kedua  
D Kehancuran Soviet Union

**JAWAPAN : B**

4. Apakah masalah yang dihadapi oleh negara bekas tanah jajahan Barat selepas Perang Dunia Kedua ?

- I Membentuk kerajaan baru  
II Mendapatkan tenaga buruh mahir  
III Mewujudkan perpaduan kaum  
IV Menghapuskan warisan penjajah  
A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
**D III dan IV**

**JAWAPAN: D**

Maklumat di bawah menunjukkan negara yang mempunyai hubungan rapat dengan Malaysia.

- Britain
- Amerika Syarikat

5. Mengapakah Malaysia menjalankan hubungan rapat dengan negara tersebut pada peringkat awalnya kemerdekaan negara ?
- A Memperoleh bahan mentah  
B Meningkatkan teknologi pertanian  
**C Memerlukan pasaran**  
D Mendapatkan bantuan ketenteraan

**JAWAPAN C**

Jadual di bawah menunjukkan perubahan dasar luar Malaysia.

Dasar Luar Malaysia	
Sebelum 1971	Pro-Barat
Selepas 1971	Berkecuali

6. Mengapakah berlaku perubahan terhadap dasar luar tersebut ?
- A Ancaman komunis telah dihapuskan  
B Suasana yang aman di Vietnam  
C Bantuan pertahanan dari Negara Komanwel  
**D Pengaruh Britain di Timur berkurangan**

**JAWAPAN D**

7. Pada tahun 1961, Malaysia mencadangkan penubuhan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA).

Apakah perkembangan yang mendorong Malaysia mencadangkan penubuhan ASA ?

- A Ancaman komunis**  
B Kerjasama ekonomi  
C Penindasan kuasa besar  
D Kepentingan bangsa serumpun

**JAWAPAN: A**

Senarai negara di bawah mempunyai hubungan yang rapat dengan ASEAN.

China	Jepun	Korea
-------	-------	-------

8. Apakah persamaan peranan yang dimainkan oleh negara-negara tersebut dalam ASEAN ?
- A Bantuan pertahanan
  - B Kerjasama ekonomi**
  - C Kerjasama pendidikan
  - D Menjadi anggota bersama

**JAWAPAN: B**

Penyataan di bawah telah diisytiharkan dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur pada bulan November 1971.

Deklarasi Kuala Lumpur
------------------------

9. Apakah kandungan deklarasi tersebut ?
- A Pengisytiharan ZOPFAN**
  - B Penekanan kepada industri berat
  - C Perjanjian kerjasama ketenteraan
  - D Kerjasama alam sekitar

**JAWAPAN: A**

10. Kerajaan Malaysia sedar tentang kepentingan teknologi maklumat (ICT). Bagaimanakah kerajaan Malaysia mempromosikan penggunaan ICT dan mencapai objektif pembangunannya dalam jangka masa panjang ?
- A K-ekonomi
  - B Koridor Raya Multimedia**
  - C Wawasan 2020
  - D Universiti Multimedia

**JAWAPAN: B**